

NEWSPAPER : UTUSAN MALAYSIA  
DAY AND DATE : JUMAAT, 17 SEPTEMBER 2010  
PAGE : 2

## **Perkhidmatan awam perlu lebih kreatif**

TUARAN 16 Sept. – Perkhidmatan awam tidak seharusnya menjadikan kekurangan kakitangan dan dana sebagai alasan untuk melambatkan inisiatif di bawah program transformasi kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, dalam persekitaran baru hari ini, perkhidmatan awam perlu lebih kreatif dan inovatif mencari penyelesaian bagi menjayakan sesuatu perubahan tersebut.

“Sepatutnya yang perlu difikirkan adalah bagaimana hendak menyesuaikan sumber tenaga yang ada supaya boleh disimpan untuk menggerakkan perubahan itu.

“Pada zaman ini, alasan konvensional berkenaan sudah tidak boleh digunakan lagi jika perkhidmatan awam ingin menjadi sebuah organisasi yang cekap, berkesan dan disegani,” katanya ketika merasmikan Kampus Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Sabah di Jalan Sulaman di sini hari ini.